

SULIT



Nama : .....  
No.Kad Pengenalan : .....  
Angka Giliran : .....

**SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
BAHAGIAN PENGURUSAN  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN KLUSTER  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008  
SEJARAH**

**1249/2**

**Kertas 2  
Ogos  
2 ½ jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
3. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B.***
4. *Tulis jawapan bagi **Bahagian A** dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
5. *Tulis jawapan bagi **Bahagian B** pada **Buku Jawapan** yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
6. *Anda boleh menggunakan **Kertas Helaian Tambahan** jika helaian dalam **Buku Jawapan** tidak mencukupi.*
7. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
8. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan..*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

**Bahagian A**

[ 40 markah ]

Jawab **semua** soalan.

**1** Ilustrasi di atas menunjukkan tinggalan bandar terancang tamadun Indus.

(a) Namakan **dua** bandar terancang tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Nyatakan **tiga** ciri bandar terancang dalam tamadun Indus.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

(c) Apakah faktor yang mempengaruhi perkembangan bandar tersebut?

.....

[1 markah]

(d) Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat Indus dapat membina bandar yang terancang?

.....

.....

[2 markah]

- (e) Bagaimanakah amalan sikap keterbukaan tamadun Indus dapat dicontohi dalam memajukan negara kita?

.....  
.....

[2 markah]

2 Kerajaan Turki Uthmaniyah merupakan sebuah empayar yang mampu bertahan sehingga hampir 600 tahun.

(a) Siapakah pengasas kerajaan Turki Uthmaniyah?

.....

[1 markah]

(b) Nyatakan **dua** faktor kemerosotan Kerajaan Turki Uthmaniyah.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(c) Senaraikan sumbangan kerajaan Turki Uthmaniyah dalam bidang berikut:

(i) Sosial

.....

.....

[2 markah]

(ii) Pentadbiran

.....

.....

[2 markah]

(d) Nyatakan **tiga** faktor kejayaan kerajaan Turki Uthmaniyah menyebarkan Islam ke Eropah.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

3 Penentangan Penghulu Dol Said di Naning adalah yang paling awal berlaku di Tanah Melayu antara tahun 1831 – 1833.

(a) Nyatakan **dua** sebab Penghulu Dol Said menentang British.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Namakan tokoh tempatan yang membantu Penghulu Dol Said menewaskan British.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

(c) Berikan **tiga** sebab kegagalan Penghulu Dol Said mempertahankan Naning.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

(d) Apakah kesan perjuangan Penghulu Dol Said menentang British?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

4 Wawasan 2020 merupakan gagasan negara untuk menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020.

(a) Berdasarkan pernyataan di atas, siapakah yang mencetuskan gagasan tersebut?

.....

[1 markah]

(b) Nyatakan **dua** cabaran Wawasan 2020.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(c) Apakah dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mencapai perpaduan kaum dalam Cabaran Pertama Wawasan 2020?

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

(d) Nyatakan nilai kasih sayang yang terdapat dalam cabaran Wawasan 2020.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(e) Sebagai pelajar, apakah peranan anda dalam merealisasikan wawasan 2020?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

**BAHAGIAN B**

[60 markah]

*Jawab tiga soalan sahaja.*

- 5** (a) Mengapakah masyarakat Arab sebelum kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. digelar sebagai masyarakat Arab Jahiliah?  
[4 markah]
- (b) Huraikan ciri-ciri kehidupan masyarakat Arab Jahiliah di Semenanjung Arab sebelum kedatangan Islam.  
[12 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah amalan Jahiliah yang terdapat pada masyarakat kita hari ini?  
[4 markah]
- 6** (a) Apakah faktor-faktor yang mendorong buruh dari Cina dan India datang ke Tanah Melayu pada pertengahan abad ke-19 hingga awal abad ke-20?  
[8 markah]
- (b) Terangkan cara kemasukan imigran Cina dan India ke Tanah Melayu.  
[6 markah]
- (c) Jelaskan faktor kemunculan bandar-bandar baru di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.  
[6 markah]
- 7** (a) Huraikan faktor-faktor pemangkin nasionalisme di Tanah Melayu sehingga Perang Dunia Kedua.  
[10 markah]
- (b) Jelaskan mesej yang terdapat dalam novel di Tanah Melayu pada tahun 1930-an.  
[5 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah pengajaran daripada perjuangan tokoh-tokoh tempatan menentang penjajahan British di Tanah Melayu?  
[5 markah]

<b><i>Ke arah Perpaduan Kaum di Malaysia</i></b>
--

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Dasar Bahasa Kebangsaan</li><li>• Dasar Kebudayaan Kebangsaan</li><li>• Sukan Untuk Perpaduan</li></ul> |
|---|

- 8 (a) Berdasarkan jadual di atas, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?  
[8 markah]
- (b) Terangkan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.  
[6 markah]
- (c) Bagaimanakah aktiviti sukan mampu mewujudkan perpaduan rakyat?  
[6 markah]

Hubungan luar Malaysia bertujuan menjamin keselamatan, memajukan ekonomi dan memelihara kepentingan negara.
---

- 9 (a) Nyatakan faedah yang diperoleh Malaysia sebagai ahli pertubuhan Komanwel.  
[5 markah]
- (b) Jelaskan peranan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).  
[10 markah]
- (c) Bagaimanakah Malaysia dapat membantu masyarakat Islam melalui pertubuhan Persidangan Islam (OIC)?  
[5 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**SULIT**  
**1249/2 (PP)**  
**Sejarah**  
**Kertas 2**  
**Peraturan**  
**Pemarkahan**  
**Ogos**  
**2008**

**1249/2(PP)**



**SEKOLAH BERASRAMA PENUH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN**  
**SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN KLUSTER**  
**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008**

---

---

**SEJARAH**

Kertas 2

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaanya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 16 halaman bercetak

Soalan	Butiran	Markah
1(a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mohenjo Daro</li> <li>- Harappa</li> </ul> <p style="text-align: right;">Maks</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>2M</p>
(b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bandar dikelilingi oleh tembok</li> <li>- Terbahagi kepada dua bahagian</li> <li>- Bahagian utama – pusat pentadbiran/keagamaan/tempat mandi awam / tempat penyimpanan hasil pertanian</li> <li>- Bahagian kedua – kawasan perumahan</li> <li>- Disusun berasaskan blok-blok berbentuk segi empat</li> <li>- Dipisahkan oleh satu rangkaian jalan raya yang lurus dan bersambung antara satu sama lain</li> <li>- Setiap bandar mempunyai sistem kumbahan yang terancang</li> <li>- Bandar- bandar ini juga dihubungi dengan sungai yang berfungsi sebagai jalan perhubungan</li> <li>- Menggunakan batu bata daripada tanah liat yang melalui proses pembakaran dengan suhu yang tinggi untuk membina rumah</li> </ul> <p style="text-align: right;">Maks</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>3M</p>
(c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kepandaian penduduk menyesuaikan diri dengan alam sekitar</li> <li>- Peningkatan penghasilan pertanian</li> <li>- Pertambahan jumlah penduduk</li> </ul> <p style="text-align: right;">Maks</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1M</p>
(d)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengetahuan tinggi dalam ilmu geometri</li> <li>- Matematik</li> <li>- Kesenian</li> <li>- Teknologi pembakaran batu bata</li> <li>- Pengetahuan yang diperoleh hasil hubungan antara tamadun Indus dengan tamadun Mesopotamia dan Mesir</li> </ul> <p style="text-align: right;">Maks</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>2M</p>
(e)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Hubungan dengan tamadun lain membolehkan kedua-dua pihak memperoleh manfaat</li> <li>- Berlaku pertukaran teknologi</li> <li>- Menerima pengaruh dari luar yang disesuaikan dengan keadaan dan suasana tempatan</li> <li>- Peningkatan kemahiran</li> <li>- Peningkatan dalam aspek seni bina</li> <li>- Keamanan dan kedamaian merupakan tunjang kekuatan sesebuah bangsa untuk mencapai kemajuan dan kecemerlangan</li> <li>- Sesebuah masyarakat tidak akan mencapai kemajuan tanpa membuat hubungan dengan negara/ pihak luar</li> <li>- Sesebuah masyarakat tidak akan mencapai kemajuan tanpa bertukar pandangan dengan pihak luar</li> </ul> <p style="text-align: right;">Maks</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>2M</p>

2 (a)	- Uthman bin Ertughrul bin Sulaiman Shah	Maks	1 1M
(b)	- Pemimpin yang lemah - Keruntuhan sistem pungutan cukai - Pemberontakan - Pertambahan penduduk yang pesat	Maks	1 1 1 1 2M
(c)	(i) Pentadbiran - Sistem perundangan - Kanun Suleiman - Jawatan Kadi - Jawatan Mufti - Jawatan Sheikh-ul-Islam/ketua ulama - Mengeluarkan koleksi fatwa berkaitan agama dan sains undang-undang	Maks	1 1 1 1 1 1 2M
	(ii) Pendidikan - Perkembangan ilmu pengetahuan - Sistem Madrasah - Sekolah pengetahuan akademik - Sekolah tentera - Maktab tentera - Maktab teknik - Kolej perubatan - Penulisan ensiklopedia - Penubuhan perpustakaan - Perpustakaan di masjid/hospital/rumah	Maks	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 2M
(d)	- Akidah - Ghazi - Janissari - Sistem ketenteraan - Armada laut - Dasar politik - Hubungan keagamaan - Dasar sosial - Sistem pendidikan - Seni bina masjid - Jalinan perdagangan Timur dan Barat/ Dunia Islam dan Dunia Bukan Islam/ Jalinan Perdagangan Dunia Islam yang berpusat di Istanbul	Maks	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 3M

3(a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tindakan British meletakkan Naning sebahagian daripada wilayah Melaka</li> <li>- British mengarahkan supaya Naning menghantar 1/10 hasilnya sebagai upeti ke Melaka</li> <li>- Kes-kes jenayah di Naning dibicarakan di Melaka</li> </ul> <p style="text-align: right;">Maks</p>	<p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">2M</p>
(b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Yamtuan Ali Rembau</li> <li>- Syed Shaban</li> <li>- Penghulu Remai dan Rechat</li> <li>- Dato' Kelana Sungai Ujong</li> <li>- Penghulu Gemecheh</li> </ul> <p style="text-align: right;">Maks</p>	<p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">3M</p>
(c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- British mempunyai 1,200 tentera/banyak tentera</li> <li>- Penghulu Dol Said tidak dibantu oleh pembesar-pembesar Rembau/rakan-rakan</li> <li>- Serangan tentera British kali kedua melemahkan pertahanan Naning</li> <li>- Senjata yang tidak moden</li> </ul> <p style="text-align: right;">Maks</p>	<p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">3M</p>
(d)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyerah diri kepada British/British menguasai Naning</li> <li>- Dol Said dibawa ke Melaka</li> <li>- Diberikan sebuah rumah</li> <li>- Diberikan pencen</li> </ul> <p style="text-align: right;">Maks</p>	<p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">2M</p>

4(a)	- Tun Dr. Mahathir Mohammad	Maks	1 1M
(b)	- Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu - Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang - Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika - Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi - Membina masyarakat yang maju dan saintifik - Mewujudkan masyarakat berbudaya penyayang - Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya - Memupuk dan membina masyarakat makmur	Maks	1 1 1 1 1 1 1 1 1 2M
(c)	- Dasar Pembangunan Nasional - Dasar Bahasa Kebangsaan - Dasar Kebudayaan Kebangsaan - Dasar Pendidikan Kebangsaan	Maks	1 1 1 1 2M
(d)	- Kasih sayang dalam keluarga - Hubungan sesama manusia - Penekanan dalam agama/ patuh pada agama - Menghidupkan semula budaya tradisi yang penuh dengan nilai murni - Masyarakat penyayang - Kehidupan masyarakat yang bermuafakat/bekerjasama - Saling memahami/ menghormati/membantu - Meletakkan kepentingan masyarakat lebih daripada kepentingan sendiri / tidak individualistik	Maks	1 1 1 1 1 1 1 1 1 2M
(e)	- Pelajar perlu melibatkan diri dalam pengisian wawasan/sembilan cabaran - Meneruskan kesinambungan perjuangan pemimpin negara terdahulu - Berusaha mengekalkan kemajuan negara - Berusaha mengekalkan perpaduan - Mengangkat martabat bangsa dan negara di persada dunia - Menguasai pelbagai disiplin ilmu - Menyanjung tinggi budaya bangsa - Menghayati Falsafah Pendidikan Negara (Mana-mana jawapan yang munasabah)	Maks	1 1 1 1 1 1 1 1 2M

5(a)	F1 - Tidak menerima kebenaran	1
	F2 - Tidak mengikut ajaran para nabi dan rasul sebelumnya	1
	F3 - seperti Nabi Ibrahim, Nabi Sulaiman, Nabi Ismail, Nabi Musa, Nabi Isa dan lain-lain	1
	F4 - Masyarakat Arab Jahiliah tidak menyembah Allah Yang Maha Esa	1
	F5 - Masyarakat Arab Jahiliah menyembah berhala	1
	F6 - Mempercayai animisme	1
	F7 - Kehidupan masyarakat Arab Jahiliah kucar-kacir	1
	F8 - Tiada nabi atau rasul yang boleh dijadikan petunjuk dalam kehidupan	1
	F9 - Tiada kitab suci yang boleh dijadikan petunjuk dalam kehidupan	1
	F10- Akhlak mereka adalah rendah	1
	F11- Mereka bersifat kejam /angkuh/ degil	1
	Maks	4M
(b)	F1 - Mengamalkan perbuatan yang tidak bermoral	1
	H1a - seperti berjudi, berzina dan minum arak	1
	F2 - Seseorang lelaki yang meminum arak sehingga mabuk	1
	H2a - menunjukkan mereka telah sempurna sebagai lelaki	1
	F3 - Kedudukan wanita dalam masyarakat adalah rendah	1
	H3a - wanita tidak dapat mewarisi harta pusaka tinggalan ibubapa mereka	1
	F4 - Menanam bayi perempuan hidup-hidup sejurus dilahirkan	1
	H4a - kerana menganggap anak perempuan akan menjatuhkan maruah keluarga	1
	F5 - Dalam soal perkahwinan	1
	H5a - Tiada peraturan khusus	1
	H5b - Lelaki boleh berkahwin dengan seberapa orang wanita sekaligus atau dengan sesiapa yang disukainya	1
	F6 - Aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh para pedagang berasaskan riba dan penindasan	1
	H6a - kerana mementingkan keuntungan dan kekayaan	1
	F7 - Kegiatan merompak/merampas barangan daripada kafilah di padang pasir	1
	H7a - sebagai mata pencarian masyarakat Arab Jahiliah	1
	H7b - Merompak merupakan kewajipan	1
H7c - yang harus dilakukan oleh individu dalam setiap kabilah	1	
F8 - Eksploitasi golongan kaya terhadap golongan miskin	1	
H8a - merupakan amalan biasa yang dilakukan oleh golongan berada	1	

	F9 - Terdapat 4 bentuk kepercayaan agama,	1
	H9a - agama watani/ menyembah berhala, animisme/memuja alam seperti pokok	1
	H9b - agama Samawi/Kristian dan Yahudi	1
	H9c - kepercayaan menilik nasib dan mempercayai roh orang mati menjadi burung	1
	F10 - Sebilangan kecil menganut agama Hanif tetapi telah melupakan ajaran ini secara beransur-ansur	1
	H10a - mencampuradukkan ajaran agama Hanif dengan amalan tradisi masyarakat.	1
	F11 - Mengamalkan Sistem Kabilah	1
	H11a - cara hidup berpuak-puak dan berkelompok	1
	H11b - ahlinya terdiri daripada suku tertentu	1
	H11c - mereka tinggal dalam sebuah kawasan	1
	F12 - Setiap kabilah mempunyai identiti	1
	H12a - mempunyai peraturannya sendiri	1
	H12b - ahli kabilah sangat taksuf/fanatik terhadap kabilah	1
	F13 - Sesuatu kabilah diketuai oleh seorang syeikh	1
	H13a - menjadi lambang perpaduan kaum	1
	H13b - pelantikan syeikh berdasarkan syarat-syarat tertentu	1
	H13c - bakal syeikh mestilah disukai ramai	1
	H13d - dilantik atas persetujuan ramai	1
	H13e - berfikiran matang/gagah/berani/pandai berpidato	1
	F14 - Kemunculan semangat assabiah/semangat kesukuan yang melampau	1
	H14a - Sanggup menuntut bela demi mempertahankan maruah diri dan kabilah mereka	1
	H14b - Peperangan antara satu kabilah dengan satu kabilah sering berlaku walaupun atas sebab yang kecil	1
	H14c - Peperangan al-Basus antara Bani Taghlib dengan Bani Bakar	1
	H14d - memakan masa 40 tahun	1
	Maks	14M
(c)	F1 - Amalan berjudi	1
	F2 - Berzina	1
	F3 - Meminum arak	1
	F4 - Membuang bayi/ membunuh anak yang dilahirkan	1
	F5 - merompak/mencuri	1
	F6 - ajaran sesat	1
	F7 - pergaduhan/ pembunuhan berleluasa	1
	F8 - pengambilan untung secara berlebihan	1
	F9 - mengamalkan riba	1
	F10 - penipuan	1
	( terima mana-mana yang munasabah)	1
	Maks	4M





7(a)	F1 - Pengenalan Sistem politik Barat dan memusnahkan sistem politik tempatan	1
	H1a - British meletakkan seorang Residen	1
	H1b - Residen mengambil alih pentadbiran negeri daripada pembesar tempatan	1
	H1c - pembesar diberikan pencen	1
	H1d - pembesar digantikan dengan oleh pegawai British	1
	H1e - kesannya perubahan ini menjatuhkan maruah orang tempatan / mencabar sistem tempatan/amalan tradisi	1
	H1f - keadaan ini telah membangkitkan kebencian penduduk terhadap British	1
	F2 - Perkembangan sistem pendidikan	1
	H2a - melahirkan golongan intelek Melayu yang mampu berfikir tentang kemajuan bangsa	1
	H2b - menggunakan idea baru untuk memajukan diri dan menolak penjajahan British	1
	H2c - mereka menyedari perlunya sumbangan tenaga dan fikiran mereka untuk menyedarkan bangsa Melayu	1
	H2d - mereka menggunakan idea baru untuk memajukan diri dan menolak penjajahan	1
	F3 - Dasar British dalam sistem pentadbiran	1
	H3a - menggalakkan sesiapa sahaja datang ke Tanah Melayu	1
	H3ci - untuk melabur, berniaga, berdagang, bekerja dan menetap di Tanah Melayu	1
	H3b - ramai orang asing telah datang ke Tanah Melayu dan menetap di sini	1
	H3c - Kemasukan orang asing yang berterusan telah meningkatkan jumlah imigran di Tanah Melayu	1
	H3d - ini menimbulkan persaingan kepada penduduk tempatan	
	H3e - orang asing menguasai bidang perlombongan, perladangan getah dan perniagaan.	1
	H3f - orang Melayu kekal dengan pertanian padi yang tidak dimajukan oleh British	1
	H3g - British membuka bandar baru sebagai pusat pentadbiran	1
	H3h - orang Melayu tetap tinggal di kampung-kampung dengan segala kekurangan	1
	H3h - kemajuan ekonomi seperti perniagaan/prasarana/elektrik/perkhidmatan pos/telefon/sekolah/hospital	1
	H3i - telah meningkatkan taraf hidup di bandar	1
	H3j - keadaan ini menjarakkan lagi jurang taraf hidup antara orang tempatan di luar bandar dengan imigran lain di bandar	1
	H3k - dasar British telah memundurkan lagi taraf hidup orang Melayu	1
	H3l - golongan intelek Melayu menjadikannya sebagai isu gerakan nasionalisme	1

F4	- Pendudukan Jepun menjadi pemangkin terhadap gerakan nasionalisme	1
H4a	- konsep Kawasan Kesemakmuran Asia telah menekankan kebebasan negara-negara Asia	1
H4b	- untuk menentukan kemajuan masing-masing dan meningkatkan persaudaraan dalam kalangan negara tersebut	1
H4c	- Jepun menggalakkan orang tempatan bekerjasama/berjanji untuk memerdekakan Tanah Melayu	1
H4d	- kesengsaraan hidup akibat kekurangan makanan/ubat-ubatan / kekejaman pentadbiran Jepun menyebabkan penduduk Tanah Melayu membenci penjajahan oleh kuasa Barat atau Timur	1
H4e	- semua penjajah tetap zalim/menekan kehidupan orang tempatan	1
H4f	- kesannya, apabila British memperkenalkan Malayan Union tahun 1946, orang Melayu menentang	1
H4g	- mereka tidak mahu dijajah oleh sesiapa pun	1
F5	- Penguasaan Parti Komunis Malaya selama 14 hari tahun 1945 membangkitkan semangat menentang penjajah	1
H5a	- PKM menguasai balai-balai polis dan memerintah dengan kejam	1
H5b	- mereka membunuh dan menangkap sesiapa sahaja yang dianggap penyokong Jepun	1
H5c	- gerakan ini mencetuskan konflik perkauman	1
H5d	- banyak orang Melayu terbunuh/rumah dibakar oleh anggota PKM	1
H5e	- dibalas oleh orang Melayu di Perak/Johor Sembilan/Pahang	1
F6	- Kemunculan mesin cetak	1
H6a	- memberikan kesan kepada penyebaran ilmu pengetahuan	1
H6b	- mendorong kepada penentangan terhadap British	1
C6a	- melalui buku, akhbar, majalah, kitab agama dan lain-lain, idea menentang penjajah dapat disebar	1
F7	- Gerakan Pan-Islamisme Sedunia memberi kesan terhadap kesedaran semangat kebangsaan	1
H7a	- merupakan gerakan intelektual Islam seluruh dunia untuk membangkitkan pemahaman yang lebih progresif terhadap Islam	1
H7b	- bertujuan untuk menentang penjajahan Barat ke atas negara-negara Islam	1
C7a	- gerakan reformis oleh Syed Muhammad Abduh, pensyarah di Universiti al-Azhar, Mesir telah tersebar luas	1
C7b	- dalam tulisannya, beliau memberikan kupasan bahawa Islam ialah cara hidup yang menekankan kepentingan dunia dan akhirat	1
C7c	- Islam juga mendorong umatnya menuju kejayaan	1
C7d	- tulisannya disebar dalam majalah al-Manar	1
H7c	- gerakan Wahabi yang berlaku di Arab Saudi juga mendesak matlamat yang sama	1





(c)	<p>F1 - Penyertaan dalam sukan tanpa mengira ideologi</p> <p>F2 - Dapat menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat</p> <p>F3 - Tidak menghadkan penyertaan kepada sesuatu kaum</p> <p>F4 - Memberi peluang seluas-luasnya bagi mereka yang berminat</p> <p>F5 - Di sekolah, sukan merupakan aktiviti sekolah yang sangat digalakkan</p> <p>F6 - Penubuhan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM)</p> <p>F7 - MSSM ditubuhkan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan</p> <p>F8 - Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan dua tahun sekali</p> <p>F9 - SUKMA dapat mengeratkan perpaduan antara kaum</p> <p>F10 - SUKMA dapat mengeratkan hubungan antara negeri</p> <p>F11 - Dapat memupuk perpaduan dalam kalangan pemain, penonton dan penggiat sukan (Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p> <p style="text-align: right;">Maks</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>6M</p>
9(a)	<p>F1 - Komanwel membantu Malaysia memelihara keamanan dan kedaulatan negara</p> <p>F2 - Membantu menyekat perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM)</p> <p>F3 - Perjanjian pertahanan antara Malaysia dengan Britain/Australia/New Zealand</p> <p>F4 - Menjanjikan bantuan semasa Malaysia berkonfrontasi dengan Indonesia</p> <p>F5 - Tuan rumah Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) 1989</p> <p>F6 - Deklarasi Langkawi mengenai pencemaran/alam sekitar</p> <p>F7 - Menegakkan hak asasi manusia dengan menentang dasar aparteid</p> <p>F8 - Eksport Malaysia ke negara komanwel terutamanya Britain dikenakan cukai yang rendah</p> <p>F9 - Rancangan Colombo menyediakan bantuan teknikal dan biasiswa dalam bidang pendidikan</p> <p>F10 - Menganjurkan Sukan Komanwel pada tahun 1998</p> <p style="text-align: right;">Maks</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>5M</p>

(b)	F1	- Membantu menyelesaikan konflik antarabangsa	1
	F2	- Sejak tahun 1960, Malaysia dipilih menyertai pasukan pendamai di bawah panji-panji PBB	1
	F3	- Membantu PBB menamatkan perang saudara di Congo (Zaire)	1
	F4	- Tahun 1989, dipilih mewakili pasukan pengaman PBB ke Namibia bagi membantu negara tersebut mencapai kemerdekaan	1
	F5	- Pada tahun 1990-an, Malaysia menghantar pasukan pemerhati ke sempadan Iran-Iraq	1
	F6	- Menghantar pasukan pemerhati ke Kampuchea	1
	F7	- Menghantar pasukan pengaman ke Bosnia	1
	F8	- Lantang bersuara di PBB menentang dasar aparteid di Afrika Selatan	1
	F9	- Menyarankan agar Benua Antartika menjadi warisan dunia yang diletakkan di bawah hak milik / kuasa semua negara	1
	F10	- Menjadi ahli Bank Dunia	1
	F11	- Sebagai ahli Malaysia memperoleh faedah dari segi kemasukan pelabur-pelabur asing	1
	F12	- Malaysia menggunakan bantuan Bank Dunia untuk menjayakan rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	1
	F13	- Membangunkan prasarana pendidikan dan penyelidikan	1
	F14	- Mengambil pendirian teguh terhadap usaha memerangi penyalahgunaan dadah	1
	F15	- Hasil usul Malaysia, satu persidangan antarabangsa diadakan di Vienna (Austria) pada bulan Jun 1987	1
	F16	- Perdana Menteri Malaysia telah menjadi Yang Dipertua persidangan tersebut	1
	F17	- Malaysia telah bekerjasama dan menyertai beberapa agensi di bawah PBB	1
	F18	- Bekerjasama dalam bidang pengeluaran makanan di bawah agensi Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO)	1
	F19	- Kerjasama dalam bidang kesihatan dan perubatan di bawah Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO)	1
	F20	- Kerjasama dalam bidang sains dan teknologi di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)	1
	F21	- Pernah dipilih menjadi ahli Majlis Keselamatan PBB pada tahun 1965, 1989 dan 1999	1
	F22	- Wakil Malaysia ke PBB, Tan Sri Razali Ismail menjadi Pengerusi Perhimpunan Agung	1
	F23	- Dilantik sebagai wakil khas PBB untuk menyelesaikan konflik politik negara Myanmar	1
	F24	- Malaysia berpendirian tegas mendesak PBB menjalankan usaha menyelesaikan masalah Palestin	1
	F25	- Menganjurkan Persidangan Antarabangsa berkaitan Palestin di Kuala Lumpur	1
		Maks	10M

(c)	F1	- Membantu melaksanakan matlamat OIC	1
	H1a	- mengeratkan hubungan negara Islam dalam segala bidang	1
	H1b	- bersuara satu nada bagi kepentingan umat Islam	1
	H1c	- mengekalkan perdamaian antara negara Islam	1
	H1d	- memastikan tempat suci Islam dihormati	1
	F2	- Tunku Abdul Rahman menjadi Setiausaha Agung OIC yang pertama	1
	F3	- Peranan Malaysia menjadi perantara dalam perang Iran-Iraq	1
	F4	- Memberi sokongan kepada rakyat Palestin mendapatkan semula tanah airnya	1
	F5	- Tuan rumah Persidangan OIC 1974 dan 2003	1
	F6	- Menganjurkan persidangan menentang penganas dalam kalangan negara Islam	1
	F7	- Basiswa kepada pelajar OIC yang belajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	1
	F8	- Malaysia mengesyorkan penggunaan dinar emas dalam kalangan negara Islam	1
	F9	- Untuk urusan perdagangan dan kegiatan ekonomi yang lain	1
		Maks	5M

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**